

## **PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KURSUS PENGURUSAN MELALUI MEDIA FILEM**

*Shahrol Aman Ahmad  
Kolej Perniagaan  
Universiti Utara Malaysia, Malaysia*

### **Abstrak**

Dengan perkembangan teknologi komunikasi maklumat yang seiring dengan perubahan masa dan persekitaran telah membawa suatu perubahan yang ketara dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar hari ini mempunyai kaedah pembelajaran yang berbeza. Terdapat banyak cabaran dalam mengajar kursus pengurusan. Antara yang menariknya ialah keperluan untuk membangunkan penghargaan pelajar terhadap perkaitan dan kompleksiti sesuatu subjek. Kebanyakan buku teks adalah berorientasikan kajian dan semua kenyataan didokumenkan dengan teratur berserta rujukan yang menyokong kajian-kajian tersebut. Ianya adalah berbentuk secara kognitif dan selari dengan pengurusan berasaskan bukti. Walau bagaimanapun perkaitan emosional dan penerimaan bahan-bahan tersebut biasanya adalah kurang. Ulasan karya dari kajian filem dan teori filem menyatakan beberapa ciri-ciri unik yang ada dalam filem yang menjadikannya sebagai satu bentuk alat pengajaran yang mempunyai kekuatan luarbiasa. Filem dapat merakam pengkayaan dan menyediakan cara yang menarik untuk memperkenalkan pelbagai konsep dan teori pengurusan yang abstrak yang berkaitan dengan individu dan organisasi. Filem dapat menjalankan beberapa fungsi dalam program pengajaran. Fungsi-fungsi ini bergantung kepada gaya pengajaran, matlamat pengajaran dan kandungan silabus. Walaupun terdapat banyak kebaikan mengenai penggunaan filem sebagai media pengajaran dan pembelajaran, ianya juga mempunyai beberapa kelonggaran. Untuk kajian di masa hadapan, adalah dicadangkan penghasilan artikel-artikel tentang penggunaan filem serta senarai filem-filem yang bersesuaian yang dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran dengan menerapkan nilai-nilai dan konsep-konsep Islam terutama dalam kursus-kursus pengurusan.

### **Pengenalan**

Aspek pengajaran dan pembelajaran telah banyak dibincangkan oleh pelbagai pihak kerana kualiti pengajaran dan pembelajaran akan menentukan pembentukan pelajar. Sesuatu pengajaran dikatakan berkesan apabila ianya dapat membawa pelajar kepada hasil pembelajaran yang diharapkan. Walaupun pembentukan proses pengajaran berkesan mempunyai nilai yang berbeza-beza namun matlamat utamanya adalah untuk memastikan isi kandungan kursus yang disampaikan mendatangkan hasil yang baik kepada para pelajar.

Secara lazimnya atau secara tradisionalnya pelajar di semua peringkat pembelajaran belajar dengan menggunakan buku teks sebagai media utama. Di peringkat pengajian tinggi seperti di kolej dan universiti, kaedah atau media yang sama iaitu belajar melalui buku teks yang ditetapkan, menghadiri kuliah, mendengar syarahan masih menjadi proses pembelajaran dan pengajaran yang digunakan. Dengan perkembangan teknologi komunikasi maklumat yang seiring dengan perubahan masa dan persekitaran telah membawa suatu perubahan yang ketara dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar hari ini mempunyai kaedah pembelajaran yang berbeza. Mereka membesar dengan teknologi maklumat seperti komputer dan televisyen yang melibatkan hampir segenap ruang kehidupan mereka. Bagi mereka rangsangan visual berserta pergerakan dan karektur hidup telah menjadi salah satu kaedah utama untuk pembelajaran. Dari peringkat sekolah rendah hingga ke sekolah menengah, faedah dari pembelajaran visual telah berjaya diintegrasikan ke dalam kelas dengan jayanya. Walau bagaimanapun diperingkat kolej dan universiti, kaedah pembelajaran kebanyakannya masih berjalan secara tradisional.

Dalam proses pengajaran kursus-kursus pengurusan yang secara umumnya padat dengan konsep-konsep dan teori-teori abstrak, penggunaan bahan-bahan bantuan mengajar yang bersesuaian dengan isi kandungan kursus akan menarik minat pelajar terhadap isi kandungan kursus. Media bantuan mengajar terutamanya media yang baru bagi pengalaman pelajar akan merangsang minat dan menggerakkan pelajar untuk belajar. Pendidikan pada masa kini adalah selari dengan perkembangan teknologi komunikasi maklumat yang memberikan pelbagai bentuk alat bantuan mengajar yang boleh diaplikasikan di bilik kuliah. Proses pengajaran dengan mengaplikasikan teknologi komputer seperti power point, internet, atas talian dan laman sesawang dapat membantu pensyarah mempelbagaikan kaedah pengajaran disamping dapat membantu mempertingkatkan lagi keberkesanan pembelajaran sekiranya ia dilaksanakan dengan teliti dan terancang. Ini adalah selaras dengan perkara 12 & 13 dalam “ Technology Foundation standards For All Teachers” yang ditetapkan oleh “ The International Society for

Technology in Education (ISTE) iaitu: menggunakan komputer dan teknologi berkaitan untuk membantu peranan pelajar dan pengajar; dan menggunakan teknologi berasaskan komputer untuk mendapatkan maklumat bagi meningkatkan produktiviti peribadi dan profesional.

Secara umumnya, media pengajaran konvensional dan tradisional yang biasa digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran termasuklah syarahan, perbincangan dan bahan-bahan bercetak seperti buku dan lain bahan bercetak. Selain itu terdapat juga bentuk visual seperti projekter yang memberi imej dan juga projekter komputer untuk slaid. Terdapat kajian-kajian yang mencadangkan kesan pembelajaran yang berbeza dengan menggunakan bentuk media-media yang berbeza. Kesimpulan dari kajian-kajian tersebut banyak mengarah dengan kuat kepada penggunaan multimedia untuk pembelajaran.

### **Penggunaan filem sebagai satu lagi tambahan kepada bentuk pengajaran yang sedia ada.**

Terdapat kajian literatur yang meluas dalam pendidikan pengurusan yang melibatkan teknik pedagogi menggunakan klip video dari filem, filem animasi dan rancangan televisyen (Champoux, 1999, 2001; Gioia & Brass, 1985). Menurut Scherer and Baker (1999) filem memberikan satu bentuk yang biasa bagi saluran visual yang menarik perhatian bagi mengikat pelajar dan mengalakkan pengekalan. Kebanyakan literatur ini mengesahkan faedah menggunakan klip-klip video dari filem ataupun mengenalpasti klip-klip tertentu serta membincangkan bagaimana klip-klip tersebut boleh digunakan dengan berkesan untuk pengajaran pelbagai kursus.

Filem boleh digunakan untuk menggambarkan kandungan kursus, memperkenalkan gambaran konsep dan teori serta menyediakan fokus budaya yang khusus di samping memberikan nilai hiburan yang penting. Filem dapat diadaptasi dengan mudah kedalam bilik darjah untuk meningkatkan penglibatan pelajar (Bluestone, 2000; Fleming, Piedmont, & Hiam, 1990), dan memperkenalkan pemikiran kritikal dan kemahiran analitikal (Anderson, 1992; Gregg, Hosley, Weng, & Montemayor, 1995). Tugasan berasaskan filem juga mempunyai

kelebihan kerana dilihat sebagai menyeronokkan dan berharga oleh pelajar dan dapat memberi kesan kepada penilaian pengajaran (Boyatzis, 1994). Kajian dalam bidang sains sosial yang lebih luas menggambarkan secara empirikal bahawa penggunaan klip filem meningkatkan minat dan keseronokan pelajar belajar kursus dan kefahaman dan integrasi konsep kursus. (Badura, 2002; Boyatzis, 2002; Conner, 1996; Kirsh, 1998; Toman & Rak, 2000).

Pendidik dalam beberapa disiplin telah berbincang mengenai nilai filem sebagai sumber dalam pengajaran berinovatif termasuk pendidikan kaunselor, pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, pembangunan personaliti dan sosial, dan perubatan (Higgins & Dermer, 2001; Kasper, 1999; Boyatzis, 1994; Kirsh, 1998; Crellin & Briones, 1995). Beberapa penulis (Champoux, 1999; Hobbs, 1998) telah juga berbincang mengenai penggunaan filem dalam pendidikan pengurusan, dan artikel yang mengalakkan penggunaan filem sebagai sumber pengajaran boleh didapati dengan meluas dalam banyak jurnal pendidikan dan pengajaran termasuklah "Journal of Management Education" dan "Teaching of Psychology".

### **Kenapa kursus pengurusan sesuai menggunakan filem sebagai bahan pembelajaran.**

Kebanyakan konsep dan teori yang berkaitan dengan kursus-kursus pengurusan adalah berbentuk abstrak. Sebagai contoh dalam pembelajaran gelagat organisasi, pelajar akan berhadapan dengan konsep-konsep dan teori seperti nilai, etika, emosi, sikap, personaliti dan motivasi yang berkaitan dengan individu manakala konsep dan teori seperti kepimpinan, pasukan, konflik, perundingan, budaya yang berkaitan dengan kumpulan dan organisasi. Konsep-konsep dan teori-teori ini adalah situasi yang abstrak bagi pelajar kerana mereka tidak mempunyai pengalaman berkaitan dengan persekitaran kerja.

Kebanyakan pelajar mempunyai tanggapan bahawa kursus pengurusan seperti gelagat organisasi akan mengajar mereka gelagat organisasi yang betul seperti yang berlaku di kebanyakan tempat kerja serta dapat menyiapkan mereka untuk menguruskan situasi tersebut. Gelagat organisasi yang sebenar adalah berbeza kerana ianya penuh dengan gelagat, kadangkala bercelaru, beremosi dan mungkin meyakinkan tetapi pada masa yang lain ianya dapat dijangkakan dan bertepatan mengikut intuisi. Ini adalah selari dengan gambaran yang diberikan oleh (Roth, 2001) yang menggambarkan kesulitan yang dihadapi oleh pelajar sarjana muda yang belajar secara tradisional berkaitan bagaimana organisasi perniagaan sebenar berfungsi berbanding dengan pelajar yang mempunyai pengalaman perniagaan yang tidak

menggunakan kaedah tradisional. Kesimpulan kajian beliau mendapati pelajar yang mempunyai pengalaman didapati mendapat keseronokan daripada kelas perniagaan. Menerusi penggunaan filem, teori-teori dan konsep pengurusan dapat digambarkan dengan lebih jelas dan memudahkan kefahaman pelajar. Mengikut Champoux (1999) babak filem boleh memberi gambaran visual mengenai teori abstrak dan konsep dalam kursus gelagat organisasi dan pengurusan.

### **Ciri-ciri unik yang ada pada filem**

Terdapat banyak cabaran dalam mengajar kursus pengurusan. Antara yang menariknya ialah keperluan untuk membangunkan penghargaan pelajar terhadap perkaitan dan kompleksiti sesuatu subjek. Kebanyakan buku teks adalah berorientasikan kajian dan semua kenyataan didokumenkan dengan teratur berserta rujukan yang menyokong kajian-kajian tersebut. Ianya adalah berbentuk secara kognitif dan selari dengan pengurusan berasaskan bukti (Rousseau, 2006). Walau bagaimanapun perkaitan emosional dan penerimaan bahan-bahan tersebut biasanya adalah kurang. Sebagai contoh, Hunt (2001) mengulas mengenai persembahan drama yang baik oleh pelajar dan mendapati ianya mempunyai kaitan secara emosional dan intelektual dan para pelajar akan lebih mudah menerima dan memahami konsep-konsep penting dalam kursus berkaitan.

Dalam pendidikan banyak hasil telah dikeluarkan berkaitan nilai filem dalam bilik darjah. Terdapat banyak buku-buku, artikel dalam jurnal dan laman sawang yang menumpukan kepada topik bagaimana untuk mengintegrasikan filem kedalam bilik darjah dengan jayanya. Ramai penyelidik berpendapat bahawa filem boleh menjadi sumber pengajaran yang berharga (Bumpus, 2005; Champoux, 1999; Huczynski & Buchanan, 2004).

Ulasan karya dari kajian filem dan teori filem menyatakan beberapa ciri-ciri unik yang ada dalam filem yang menjadikannya sebagai satu bentuk alat pengajaran yang mempunyai kekuatan luarbiasa. Siegfried Kracauer (1973), seorang ahli dalam teori filem menyatakan bahawa ciri unik dalam filem adalah keupayaannya untuk menjadikan seseorang dapat melihat dan merasai perkara-perkara yang hanya dapat dikomunikasi secara khusus melalui filem.

Filem dapat merakam pengkayaan dan menyediakan cara yang menarik untuk memperkenalkan pelbagai konsep dan teori pengurusan yang abstrak yang berkaitan dengan individu dan organisasi. Pengkayaan dalam filem dan isu-isu yang dibangkitkan juga menyediakan potensi yang lebih kritikal bagi analisis amalan pengurusan dan organisasi. Filem

dan video boleh menjadi alat yang berkuasa untuk mengajar pelajar mengenai keluwesan konsep dan keupayaan untuk memindahkan perspektif (Gallos, 1993).

Babak-babak dalam filem dapat memberikan gambaran visual kepada teori-teori abstrak dan konsep yang biasanya dibincangkan dalam gelagat organisasi dan lain-lain kursus yang berkaitan. Gambaran konsep-konsep ini dalam babak-babak yang berbeza juga menggambarkan aplikasi konsep-konsep tersebut dalam situasi yang berbeza. Filem merakamkan realiti secara fizikal tetapi ianya dilihat secara berbeza melalui pengalaman yang berbeza. Filem tiada bandingannya dari segi keupayaannya untuk mengekalkan dan mengarah perhatian penonton. Teknik lensa, teknik pemfokusan, pergerakan kamera, sudut kamera dan cara pengeditan filem boleh mewujudkan pandangan yang memukau yang tidak terdapat dalam keadaan sebenarnya ( Champoux, 1999).

Dari segi tindakbalas penonton pula, mereka bukannya penonton yang pasif. Mereka mempunyai pelbagai tindakbalas yang berbeza yang terhasil dari ciri-ciri unik sesebuah filem (Allbritton and Gerrig 1991). Tindakbalas penonton biasanya menjadi bahagian yang penting dari pengalaman filem. Sebagai contoh penonton dapat melihat aspek percakapan atau dialog yang dianggap penting oleh pengarah dalam sesuatu cerita. Isyarat-isyarat bukan lisan seperti gerakan mata, mimik muka dan pergerakan badan boleh memberikan imej maklumat tambahan untuk tafsiran penonton. Pengarah juga dapat memasukkan babak-babak yang beremosi, ironi atau lucu yang hanya dapat dirasai oleh penonton melalui saluran filem.

### **Fungsi pengajaran dalam filem**

Terdapat beberapa kriteria yang perlu diberi pertimbangan apabila memilih filem untuk kegunaan pelajar. Antara kriteria-kriteria tersebut ialah filem yang dipilih haruslah mempunyai nilai pendidikan. Filem yang menarik tetapi hanya mempunyai nilai pendidikan yang minima adalah tidak sesuai untuk digunakan. Selain itu, nilai pendidikan haruslah bersesuaian dengan objektif kurikulum yang ditetapkan.

Filem dapat menjalankan beberapa fungsi dalam program pengajaran. Fungsi-fungsi ini bergantung kepada gaya pengajaran, matlamat pengajaran dan kandungan silabus. Antara fungsi filem dalam pengajaran ialah sebagai kajian kes, latihan pengalaman, metafora, jenaka, simbol, maksud, pengalaman dan masa. Terdapat beberapa cara untuk menggunakan filem bagi mengajar prinsip, teori dan konsep gelagat organisasi (Proctor & Adler, 1991). Dengan melakukan

eksperimentasi bagi setiap kaedah dapat menggambarkan yang mana satu adalah paling berkesan untuk gaya pengajaran dan kandungan kursus. Antara filem-filem yang boleh digunakan untuk menggambarkan pelbagai konsep dalam pengurusan secara amnya dan gelagat organisasi secara khususnya adalah seperti filem *The Dead Poet Society*, *The Magnificent Seven*, *Modern Times* dan *12 Angry Men*. Filem-filem ini berupaya menggambarkan pelbagai konsep seperti personaliti, pengaruh kumpulan, mengambil risiko dan kepimpinan, strategi mempengaruhi dan komunikasi berkesan (Bumpus, 2005; Champoux, 2001; Huczynski, 1994; McCambridge, 2003; Serey, 1992).

Filem-filem yang disyorkan dalam jurnal dan laman sesawang kebanyakannya adalah filem barat, khususnya filem Inggeris. Pencarian artikel di dalam jurnal akademik dan jurnal berjadual berkaitan penggunaan filem dalam pengajaran yang menerapkan nilai dan konsep Islam terutama sekali yang berkaitan dengan konsep gelagat organisasi tidak memberikan sebarang hasil. Begitu juga dengan pencarian senarai filem-filem Islam atau bercorak Islam yang bersesuaian untuk digunakan sebagai bahan pengajaran juga tidak berhasil.

Seperti yang kita sedia maklum, Islam mempunyai pandangan yang menyeluruh tentang pembangunan manusia. Islam bukan hanya sekadar kepercayaan agama tetapi cara hidup yang bersepadu berdasarkan kepada keadilan sosial dan ekonomi. Islam melihat pendidikan dan pengetahuan sebagai perkara utama. Islam menggalakan pencarian pengetahuan dan digunakan untuk faedah masyarakat. Sumber utama pengetahuan dalam Islam datangnya dari kitab Al Qur'an dan hadis. Al Qur'an dan hadis menjelaskan mengenai kepentingan pendidikan untuk semua Muslim bagi memenuhi tuntutan dan tanggungjawab kepada Allah dan sesama manusia. Nilai-nilai dan konsep Islam adalah terkandung dalam Al Qur'an yang memberi panduan mengenai keimanan, ilmu, sejarah, adab dan akhlak, sosial, ekonomi, peradilan dan hukum. Nilai-nilai tersebut adalah nilai-nilai universal yang boleh diaplikasikan dalam pengurusan organisasi. Selain dari Al Qur'an, hadis juga dapat menggambarkan nilai dan konsep Islam yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad (s.a.w) (Armstrong, 2002; Hallaq, 2005)

### **Kelebihan dan kelemahan filem**

Banyak laporan mengenai penggunaan filem sebagai sumber pengajaran turut memasukan pemerhatian ke atas kelebihan dan kelemahan fungsi filem (Proctor and Adler 1991; Winegarden, Fuss-Reineck, & Charron 1993).

Kelebihan filem sebagai sumber pengajaran adalah kerana filem merupakan satu saluran yang selesa dan menjadi kebiasaan kepada

pelajar. Ia dapat mengekalkan minat pelajar kepada teori dan konsep yang dibincangkan secara visual melalui pergerakan karakter. Filem juga dapat menjadi pengganti kepada lawatan lapangan dan lawatan sebenar kerana filem dapat memberi kelebihan kerana ianya dapat menjimatkan perbelanjaan berbanding melakukan lawatan lapangan dan lawatan sebenar.

Kebanyakan filem adalah fiksyen dan boleh memberikan pengalaman yang kuat. Pelajar dapat mengasah kemahiran analitikal dengan menganalisa filem dengan menggunakan teori dan konsep yang dipelajari. Filem memberikan pengalaman kognitif dan afektif. Ianya boleh menggalakkan perbincangan yang baik, melibatkan penilaian nilai seseorang, dan juga penilaian diri sekiranya sesuatu babak mempunyai kandungan emosi yang kuat. Kebaikan lain yang boleh didapati dari filem ialah ianya boleh didapati dalam bentuk pita dan cakera padat berkualiti. Selain dari mudah didapati, filem juga boleh dimiliki dengan harga yang berpatutan.

Walaupun terdapat banyak kebaikan menggunakan filem, namun terdapat juga beberapa kelemahan menggunakan filem sebagai sumber pengajaran. Antara kelemahan menggunakan filem sebagai sumber pengajaran termasuklah persepsi pelajar dimana sebahagian pelajar mungkin tidak gemar menonton filem asing. Masalah ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti kelemahan menguasai bahasa asing yang digunakan dalam filem serta persekitaran budaya yang berbeza. Kelemahan lain yang turut dikaitkan dengan filem asing ialah berkaitan filem yang mempunyai sarikata. Filem sebegini memerlukan usaha yang lebih untuk diikuti bagi membaca sarikata dan melihat filem. Pelajar perlu mempunyai koordinasi yang baik untuk memastikan mereka dapat memahami filem yang ditonton berserta sarikata.

Filem adalah fiksyen dan penulis fiksyen dan pengarah mempunyai banyak kebebasan untuk menerapkan realiti yang diinginkan ke dalam filem. Reaksi pelajar adalah berbeza terhadap pelakon dan juga watak-watak dalam filem. Kelemahan lain dalam filem ialah kandungan babak-babak tertentu seperti jenaka, drama, keganasan dan bahasa boleh mengganggu pelajar serta mungkin memesongkan pelajar dari teori dan konsep yang digambarkan. Selain itu, penggunaan filem dalam kelas biasanya akan mengambil masa yang agak lama dan boleh mengganggu pengurusan untuk aktiviti kelas yang lain.

## **Kesimpulan**



Pengajaran secara konvensional yang menggunakan buku teks, syarahan dan perbincangan biasanya mengakibatkan pelajar berfantasi mengenai konsep dan bagaimana mereka akan berhadapan dengan situasi tersebut di masa hadapan. Dengan mengintegrasikan filem ke dalam kelas ianya bukan sahaja dapat mengekalkan minat dan tumpuan pelajar terhadap bahan kursus malah meningkatkan peluang untuk menggunakan keupayaan belajar menerusi medium visual.

Filem dan babak-babak filem adalah sumber pengajaran yang tersedia dengan meluas, dan boleh didapati dengan mudah. Banyak ciri-ciri unik filem iaitu sebagai saluran komunikasi menjadikannya mempunyai kesan positif kepada program pengajaran. Filem mempunyai banyak fungsi dalam pengajaran kerana ianya boleh digunakan sebagai kajian kes, sebagai latihan pengalaman, ataupun sebagai pengalaman luarbiasa kepada pelajar. Terdapat beberapa cara menggunakan dan meletakkan filem dalam sesuatu kursus. Menggunakan filem sebagai alat pengajaran mempunyai kelebihan dan kelemahan. Secara umumnya penggunaan filem dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan pengeksekutuan pelajar bagi kursus tertentu.

Untuk kajian di masa hadapan, adalah dicadangkan ahli-ahli akademik dapat menghasilkan artikel yang membantu proses pengajaran menggunakan filem yang dapat menerapkan nilai-nilai dan konsep-konsep Islam terutama dalam kursus-kursus pengurusan. Ini dapat dilakukan dengan menyenaraikan filem-filem yang bersesuaian yang mempunyai nilai pendidikan yang menerapkan nilai dan konsep Islam sama ada secara sebahagian atau keseluruhan. Memang diakui bahawa kebanyakan filem-filem Islam yang dihasilkan tidak mendapat pendedahan dan perhatian yang sewajarnya berbanding dengan filem dari Barat, namun ahli-ahli akademik perlu menonjolkan dan menyenaraikan filem-filem yang mempunyai nilai dan konsep Islam supaya ianya dapat dikongsi bagi manfaat bersama.

### **Rujukan:**

Allbritton, D. W., & Gerrig, R. J. (1991). Participatory responses in proses understanding. *Journal of Memory and Language*, 30, 603-626.

- Anderson, D. D. (1992). Using feature films as tools for analysis in a psychology and law course. *Teaching of Psychology*, 19, 155-158.
- Armstrong, K. (2002). *Islam*. A short history. NY: The Modern Library.
- Badura, A. S. (2002). Capturing students' attention: Movie clips set the stage for learning in abnormal psychology. *Teaching of Psychology*, 29, 58-60.
- Boyatzis, C. J. (1994). Using feature films to teach social development. *Teaching of Psychology*, 21, 99-101
- Boyatzis, C.J. (2002). Using feature films to teach social development. In Griggs, R.A. (Ed.), *Handbook for Teaching Introductory Psychology, Volume 3: With an Emphasis on Assessment*, 229-231. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Bluestone, C. (2000). Feature films as a teaching tool. *College Teaching*, 48(4), 141-146.
- Bumpus, M.A. (2005). Using motion pictures to teach management: Refocusing the camera lens through the infusion approach to diversity. *Journal of Management Education*, 29, 792-815.
- Champoux, J. E. (1999). Film as a teaching resource. *Journal of Management Inquiry*, 8, 206-217.
- Champoux, J. E. (2001a). Animated films as a teaching resource. *Journal of Management Education*, 25, 79-100.
- Champoux, J. E. (2001b). Using film to visualize principles and practices. Cincinnati: Southwestern.
- Comer, D. R. (2001). Not just a Mickey Mouse exercise: Using Disney's *The Lion King* to teach leadership. *Journal of Management Education*, 25, 445-451.
- Crellin, J. & Briones, A. F. (1995). Movies in medical education. *Academic Medicine*, 70, 745.
- Fleming, M. Z., Piedmont, R. L., & Hiam, C. M. (1990). Images of madness: Feature film in teaching psychology. *Teaching of Psychology*, 17, 185-187.
- Gallos, J. V. (1993). Teaching about reframing with films and videos. *Journal of Management Education*, 17(1), 127-132.
- Gioia, D. A., & Brass, D. T. (1985). Teaching the TV generation: The case for observational learning. *Organizational Behavior Teaching Review*, 10, 11-18.

- Graham, L., Pena, L., & Kocher, C. (1999). Other People's Money: A visual technology for teaching corporate restructuring cross-functionally, *Journal of Management Education*, 23, 53-64.
- Gregg, V. R., Hosley, C. A., Weng, A., and Montemayor, R. (1995). Using feature films to promote active learning in the college classroom. U.S. Department of Education, Office of Educational Research and Improvement. Washington, DC: Eric Document No. 389367s.
- Hallaq, W. B. (2005). *The origins and evolution of Islamic Law*. UK: Cambridge University Press.
- Higgins, J. A. & Dermer, S. (2001). The use of film in marriage and family counselor education. *Counselor Education and Supervision*, 40(3), 182-192.
- Hobbs, R. (1998). Teaching with and about film and television: Integrating media literacy education. *Journal of Management Development*, 17(4), 259-272.
- Huczynski, A. (1994). Teaching motivation and influencing strategies using *The Magnificent Seven*. *Journal of Management Education*, 18, 273-278.
- Huczynski, A. & Buchanan, D. (2004). Theory from fiction: The narrative process perspective on the pedagogical use of feature film. *Journal of Management Education*, 28(6), 702-726
- Hunt, C. S. (2001). Must See TV: The timelessness of television as a teaching tool. *Journal of Management Education*, 25, 631-347.
- Kasper, L. F. (1999). Film imagery: A visual resource for clarifying content and developing academic writing style. In L. F. Kasper (Ed.) *Content-based ESL Instruction*.
- Kirsh, S. J. (1998). Using animated films to teach social and personality development. *Teaching of Psychology*, 25, 49-51.
- Kracauer, S. (1973). *Theory of film: The redemption of physical reality*. New York: Oxford University Press.
- Mallinger, M., & Rossy, G. (2003). Film as a lens for teaching culture: Balancing concepts, ambiguity, and paradox. *Journal of Management Education*, 27, 608-624.

McCambridge, J. (2003). 12 Angry Men: A study in dialogue. *Journal of Management Education*, June, V. 27 #3, pages 384-402.

Proctor, R. F., II., & Adler, R. B. (1991). Teaching Interpersonal Communication with Feature Films. *Communication Education*, 40, 393-400.

Roth, L. (2001). Introducing students to “the big picture.” *Journal of Management Education*, 25 (1), 21-31.

Rousseau, D. M. (2006). Is there such a thing as “evidence-based management?” *The Academy of Management Review*, 31 (2), 256-269.

Scherer, R. F., & Baker, B. (1999). Exploring social institutions through the films of Frederick Wiseman. *Journal of Management Education*, 23, 143-153.

Serey, T. T. (1992). Carpe diem: Lessons about life and management from Dead Poet's Society. *Journal of Management Education*, 16, 374-381.

Toman, S. M., & Rak, C. F. (2000). The use of cinema in the counselor education curriculum: Strategies and outcomes. *Counselor Education & Supervision*, 40, 105-114.

Winegarden, A. D., Fuss-Reineck, M., & Charron, L. J. (1993). Using star Trek: The Next Generation to teach concepts in persuasion, family communication and communication ethics. *Communication Education*, 42, 179-188.